

Urus kewangan melalui MyPocket



- Tawar kemudahan akses kepada laporan kredit kewangan
- Bantu bantu lebih 100,000 pelanggan termasuk dari negara jiran

PETALING JAYA – Berdepan dengan persekitaran ekonomi yang sukar dengan kos taraf hidup bertambah selain pelbagai kemelut kewangan yang dihadapi mereka yang berpendapatan sederhana apatah lagi bagi yang bergaji rendah mungkin di bawah RM1,500 sebulan, pastinya berdepan masalah kewangan jika tiada pelan bijak yang diamalkan. Berhutang keliling pinggang dengan pelbagai institusi kewangan, koperasi, menggunakan kad kredit secara tidak terkawal dan juga tiada simpanan adalah antara masalah yang memburukkan lagi keadaan seseorang itu. Menyedari isu tersebut se-



AWIS QURNI ZAKARIAH menunjukkan risalah mengenai MyPocket di pejabatnya baru-baru ini.

makin serius dalam kalangan masyarakat kini, sebuah syarikat mengambil inisiatif membantu masyarakat untuk mendapatkan bimbingan kewangan selain mengenalpasti laporan kredit kewangan sedia adanya.

Mungkin ramai yang tidak tahu tentang kepentingan laporan kredit kewangan masing-masing tetapi ia sangat berguna untuk memaklumkan tahap

pengurusan kredit yang baik, meningkatkan reputasi kolateral, mempercepatkan proses pinjaman serta mengurangkan risiko bayaran faedah yang tinggi.

MyPocket telah beroperasi sejak tiga tahun lalu dengan menawarkan kemudahan akses kepada laporan kredit yang komprehensif dan konsultasi kewangan yang boleh disesuaikan dengan keperluan individu.

Pengasasnya, Awis Qurni Zakariah berkata, selain menyediakan laporan kredit daripada sumber utama seperti Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS), Credit Tip Off Service (CTOS), Experian Information Services (Experian) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), MyPocket turut memberi peluang kepada individu untuk memahami kedudukan kewangan mereka dengan lebih jelas.

“Laporan kredit yang kami tawarkan memberikan gambaran menyeluruh mengenai status kewangan seseorang, termasuk rekod pembayaran pinjaman, senarai hitam dan jumlah pinjaman yang belum diselesaikan.

“Dengan mengetahui perkara ini, individu dapat membuat keputusan kewangan yang lebih bijak dan mengelakkan masalah kewangan yang tidak diingini,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Platform ini juga menggalakkan pengguna untuk membuat semakan laporan kredit sekurang-kurangnya sekali setahun bagi membantu merancang kewangan dengan lebih efektif.

Selain itu, Awis menjelaskan, MyPocket juga menyediakan anggaran kebolehan pinjaman untuk pelbagai jenis pinjaman seperti pinjaman perumahan, kenderaan, peribadi dan perniagaan.

“Kami ingin membantu pengguna mengetahui batas kewangan mereka sebelum membuat

keputusan pinjaman. Ini penting bagi mengelakkan bebanan hutang yang boleh memberi tekanan hidup yang tidak perlu,” jelasnya.

Lebih menarik, MyPocket menyediakan pendidikan kewangan secara percuma melalui video konsultasi di platform media sosial seperti TikTok, Instagram, Facebook, dan YouTube.

Melalui inisiatif ini, pengguna berpeluang memperoleh pengetahuan kewangan yang berguna tanpa kos tambahan.

Bagaimanapun, Awis menegaskan, MyPocket bukan sebuah institusi pemberi pinjaman, sebaliknya ia adalah platform yang memberi konsultasi dan pendidikan kewangan berdasarkan laporan kredit yang tepat.

Lebih menarik, setiap sesi konsultasi boleh didapati dengan bayaran hanya RM50.

“Sejak tiga tahun lalu, kami telah memberikan konsultasi kepada lebih 100,000 pelanggan, termasuk dari Indonesia, Filipina, dan Singapura.

“Tahun ini, kami menasaskan untuk membimbing 1,000 individu setiap hari,” ujarnya.

Tambah beliau, dengan misi untuk membantu lebih ramai rakyat memahami dan mengurus kewangan dengan lebih baik, Awis berharap lebih ramai individu tempatan mula mengambil langkah bijak dengan memeriksa laporan kredit dan mendapatkan bimbingan kewangan demi masa depan yang lebih terjamin



SEBAHAGIAN daripada warga emas yang menerima sumbangan bergambar bersama Ravin dan kakitangannya di Sungai Buloh baru-baru ini.



RAVIN (kanan) mahu meneruskan lagi program CSR Ramadan agar lebih ramai kumpulan sasaran dapat menerima sumbangan.

Ramadan CSR PBB santuni 150 warga emas

SUNGAI BULOH – Institusi Kewangan bukan bank, Provident Banc Berhad (PBB) telah menyantuni seramai 150 warga emas di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Paya Jaras dalam menyambut keberkatan bulan Ramadan ini.

Pengarah Urusan PBB, Ravin Raghu Warren berkata, sumban-

gan ini merupakan salah satu daripada program tanggungjawab sosial (CSR) syarikat dalam membantu golongan memerlukan.

“Ini adalah antara program yang dijalankan sejak tahun lepas dan sumbangan yang diberikan berupa barangan asas seperti beras, kordial dan buah kurma untuk warga emas, anak-

anak yatim, golongan asnaf dan kurang upaya.

“Dalam usaha berkongsi reze-ki, kami terus komited memupuk budaya keprihatinan dan tanggungjawab sosial demi perpaduan hidup bermasyarakat tidak kira bangsa dan agama” katanya selepas majlis penyerahan sumbangan tersebut di sini baru-baru ini.

Ravin menerangkan, program CSR yang dijalankan pada bulan Ramadan tahun ini disasarkan kepada beberapa kawasan, antaranya di Sungai Buloh dan kawasan lain di Lembah Kelang.

Pihaknya turut merancang bekerjasama dengan mana-mana agensi bagi meluaskan lagi program CSR pada masa hadapan.

Sementara itu, PBB juga membantu memberi sumbangan berbentuk kerusi roda kepada golongan kurang upaya.

“Tahun lepas kami telah menyumbang kerusi roda kepada PDRM dan sasaran kami pada tahun ini adalah untuk menambah kerusi roda kepada golongan memerlukan” ujarnya.